

## FPP UMS dan PIBG SMK Ranau Jayakan Program Ilmu dan Khidmat Masyarakat

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 18 Ogos 2017 17:44 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 435

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**JUMAAT, 18 OGOS** - Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) mengadakan Program Bicara Ilmu dan Khidmat Masyarakat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau baru-baru ini.

Program tersebut yang dianjurkan dengan

kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu dirasmikan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karanaan, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Dalam ucapannya beliau menyarankan agar masyarakat sentiasa meluangkan masa untuk membaca buku-buku yang boleh meningkatkan ilmu pengetahuan agar mampu menjadi pemikir yang kritis.

Pelbagai pengisian telah diadakan sepanjang program itu berlangsung, antaranya Slot Bicara Ilmu yang membincangkan aspek pemikiran abad ke-21 melalui penceramah dari UMS, Prof. Dr. Vincent Pang dan Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun.

Program itu juga memberi peluang kepada murid prasekolah dan pendidikan khas di daerah Ranau mengembangkan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial melalui penyertaan dalam pertandingan mewarna dibawah kendalian Jaini Sapirai daripada Program Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak, FPP.

Turut diadakan *Fun Fair* Kedai Mini, selain pameran buku oleh Penerbit UMS dan kaunter maklumat dari Pusat Luar UMS (PLUMS) bagi mereka yang ingin melanjutkan pendidikan ke UMS.

Program itu dipengerusikan bersama oleh Pensyarah Kanan FPP, Dr. Connie Cassy Ompok dan Yang Dipertua PIBG SMK Ranau, Jasnin Suman.

Turut hadir menjayakan program itu, Pengarah PLUMS, Prof. Dr. Arsiah Bahron dan Pengarah Penerbit UMS, Prof. Madya Dr. Asmady Idris.

Sumber: Jaini Sapirai, Fakulti Psikologi dan Pendidikan